

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Jalan Sultan Hishamuddin,
Kuala Lumpur.

3hb. Januari, 1970.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1970

Tuan,

**Bayaran perawatan yang di-kenakan oleh Rumah
Sakit ka-atas pegawai2 yang dalam chuti belajar di
luar Negeri**

Ada-lah di-putuskan bahawa mulai daripada 1hb. Disember, 1969 belanja rawatan yang di-kenakan oleh Rumah sakit ka- atas pegawai2 Kerajaan yang diberi chuti belajar di-luar negeri, serta isteri dan anak2 mereka, boleh-lah di-bayar daripada wang negara sa-kadar yang di-benarkan di bawah **Perintah 'Am Bab F** terta'aluk kepada sharat2 yang berikut :-

- (a) Perbelanjaan itu hanya untuk bayaran biasa bagi ubat2 rawatan dan perubatan;
- (b) Bayaran2 hospital akan di-tanggung oleh Kerajaan tetapi belanja wad akan di-bayar oleh pegawai itu sa-bagaimana di-kehendakki oleh Perintah 'Am;
- (c) Belanja perubatan mesti-lah serendah2 yang munasabah, dan dimana2 ada terdapat kemudahan2 Perkhidmatan Kesihatan Negara saperti di United Kingdom, kemudahan2 ini hendak-lah di-gunakan sa-penoh2-nya yang didapati;
- (d) Sa-barang perbelanjaan tambahan, rawatan khas atau perhatian yang diberi oleh sa-saorang pakar akan di-bayar sendiri oleh pegawai2 yang berkenaan.

2. Peratoran2 dalam Surat Pekeliling ini tidak meliputi pegawai2 dalam Perkhidmatan Luar Negeri dan pegawai2 yang menghadziri persidangan2 atau menjalankan tugas2 sementara di-luar negeri yang terta'alok kepada peratoran2 lain.

Saya yang menurut perintah,

(P.C. RATCHAGA)
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Setia Usaha2 Tetap/Setia Usaha2 Kementerian.
Ketua2 Jabatan Persekutuan,
Salinan : Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Negeri.